




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 115 **kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **58,315 kes**. Tiada kes kematian direkodkan hari ini.
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 94 menjadikan jumlah kumulatif 56,958 orang. Seramai 677 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 276 orang di hospital dan 4,401 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 37 orang dan 16 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Beluran berubah dari zon kuning ke zon hijau.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah sembilan (9) daerah
- Zon Jingga dua (2) daerah
- Zon Kuning sembilan (9) daerah
- Zon Hijau tujuh (7) daerah

- 5 **Tiada kluster baharu** direkodkan hari ini.
- 6 Daripada 115 kes positif COVID-19, sebanyak 49 kes (42.6%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, 13 kes (11.3%) saringan bergejala, 50 kes (43.5%) dari kluster baharu dan sedia ada serta tiga (3) kes (2.6%) dari lain-lain kategori.
- 7 Jumlah kapasiti katil 3,950 unit
- Hospital 520 unit
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,910 unit
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 520 unit.
- Peratus penggunaan katil 17.14%.

B STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat ini bagi Fasa 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, seramai **460** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **54,028** orang.
- 2 Bagi Dos 2 vaksin, seramai **460** orang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **48,511** orang.
- 3 Bagi Fasa 2 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, seramai **876** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **15,408** orang.
- 4 Bagi Dos 2 vaksin Fasa 2, tiada yang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **satu (1)** orang.
- 5 Bilangan pendaftaran penerima vaksin hari ini sejumlah **1,654** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar setakat ini sebanyak **464,864** (mysejahtera 412,698 : laman web 51,915 : talian vaksinasi 251) bersamaan 15.9%.

C BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **318,171** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

D LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 39 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 9,052 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 359 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 63 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 20 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Lima (5) orang : Tidak memakai pelitup muka
 - 14 orang : Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran pelanggan
 - Satu (1) orang : Ingkar perintah kuarantin
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 89 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 37 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 279 lokasi melibatkan seramai 126 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 54 anggota di 62 lokasi.
- 6 Sejumlah 34 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di enam (6) daerah pada hari ini.

E KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.2%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kudat	98%
2	Beluran	98%
3	Beaufort	98%
4	Tenom	98%
5	Kota Marudu	98%
6	Semporna	97.5%
7	Keningau	97.5%
8	Kota Belud	97.5%
9	Kinabatangan	97%
10	Sipitang	97%
11	Papar	97%
12	Tuaran	97%
13	Ranau	97%
14	Kunak	97%
15	Sandakan	97%
16	Penampang	97%
17	Lahad Datu	96.5%
18	Kota Kinabalu	96.5%
19	Tawau	96%

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II

02 MEI 2021